

BUKU PANDUAN INTEGRITI



**"Ke Arah PUSAKA
Berintegriti Dan Bebas Rasuah"**

**AMALAN INTEGRITI
TANGGUNGJAWAB SEMUA**

VERSI 1.0 / 2022

PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

AMANAT PENGURUSI



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada PUSAKA kerana berjaya menerbitkan "Buku Panduan Integriti" yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kefahaman mengenai nilai-nilai integriti yang perlu ada dalam diri warga PUSAKA.

Buku Panduan Integriti ini adalah sangat penting sebagai bukti komitmen pengurusan atasan dalam memupuk dan membudayakan nilai-nilai integriti di kalangan warga PUSAKA. Dengan adanya buku ini maka seluruh warga PUSAKA sama ada yang baru bertugas atau yang telah lama berkhidmat akan lebih peka dengan nilai-nilai integriti ini dan menjadikannya sebagai panduan dalam melaksanakan tugas sehari-hari mereka.

Saya berharap buku ini akan menjadi buku "*living document*" yang akan sentiasa dikemaskinikan secara atas talian dan menjadi rujukan semua warga PUSAKA .

Akhir kata, semoga buku ini dapat membantu pihak Pengurusan PUSAKA dalam berdepan dengan isu-isu Integriti yang terkini serta dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan juga berintegriti.

Saya mengharapkan warga PUSAKA untuk mengamalkan apa yang disampaikan menerusi Buku Panduan Integriti ini dan menjadikan ia sebagai panduan dalam melaksanakan tugas sehari-hari. Tanggungjawab melaksanakan nilai integriti adalah tanggungjawab semua dan bukan terletak hanya di bahu pihak pengurusan PUSAKA.

Ikhlas

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Tengah".

YB DATUK AMAR HAJI AWANG TENGAH BIN ALI HASAN

PERUTUSAN PENGURUS BESAR



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Integriti kerana pro aktif dalam menghasilkan "Buku Panduan Integriti" ini. Buku ini adalah merupakan salah satu pendekatan yang digunakan oleh PUSAKA dalam meningkatkan kesedaran selain dari memupuk dan menyemai nilai-nilai integriti di kalangan warga PUSAKA. Ia juga adalah merupakan bukti komitmen pengurusan atasan dalam memastikan program pengukuhan integriti dilaksanakan selaras dengan keperluan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 dimana ia adalah salah satu fungsi teras dalam Penubuhan Unit Integriti.

Sebelum ini PUSAKA telah mengadakan beberapa program jerayawara / taklimat / perkongsian untuk meningkatkan kesedaran setiap warganya dan anak syarikatnya mengenai nilai-nilai integriti yang perlu diamalkan dalam setiap kerja harian. Namun untuk mengekalkan ilmu pengetahuan ini dalam sanubari setiap warganya maka ia perlu dibukukan agar menjadi rujukan berterusan untuk semua warga PUSAKA dan juga anak syarikatnya.

Penghasilan buku ini juga merupakan antara pelan tindakan dalam Pelan Anti Rasuah Organisasi PUSAKA (OACP) 2021-2025 . Selain itu ia juga merupakan antara program yang dirangka dalam "*Culture Change Program*" yang merupakan salah satu pelan tindakan dibawah "*Organisational Capacity*" dalam *Balanced Scorecard* PUSAKA. Ia juga selaras dengan Tema 3 dibawah Pelan Strategik PUSAKA ke arah "*Process and Service Excellence*". Setiap warga PUSAKA yang baru bekerja mahupun yang telah lama berkhidmat akan sentiasa diperingatkan mengenai nilai-nilai integriti ini dan tiada alasan bahawa mereka tidak peka dengan keperluan untuk mengamalkan nilai-nilai integriti ini.

Buku Panduan Integriti dihasilkan dalam bentuk e-Book dan akan dikemaskinikan secara atas talian. Setiap keperluan baru berhubung dengan polisi integriti, prosedur-prosedur dan maklumat baru berkaitan integriti akan dapat dirujuk oleh semua warga PUSAKA dengan mudah dan cepat.

Akhir sekali, saya berharap semua warga PUSAKA dapat menghayati kandungan dan intipati Buku Panduan Integriti ini dan tidak terlibat dalam apa jua amalan dan tingkah laku negatif yang melanggar undang-undang, peraturan-peraturan dan etika kerja yang berkuatkuasa. Bersama-samaalah kita dalam mengamalkan nilai-nilai integriti ini demi kesejahteraan semua.

Ikhlas

A handwritten signature in black ink, appearing to read "YBHG. DATU HAJI HASHIM BIN HAJI BOJET".

YBHG. DATU HAJI HASHIM BIN HAJI BOJET

ISI KANDUNGAN

4	Pengenalan	18	Kesan-Kesan Rasuah Kepada Individu
5	Tujuan Pengwujudan Buku Panduan Integriti	19	Kesan-Kesan Rasuah Kepada Organisasi
6	Latar Belakang	20	Elemen-Elemen Rasuah
7	Penubuhan Bahagian Integriti	21	Punca Berlakunya Rasuah
8	Apa Itu Integriti?	22	Program Pengukuhan Integriti
9	Isu Integriti Di Dalam Perkhidmatan Awam	23 - 25	Polisi-Polisi Integriti
10 - 11	Faktor Kemerosotan Integriti	26 - 30	Jenis-Jenis Dokumentasi
12	Sebab Kerajaan Ke Arah Integriti	31 - 32	Kaedah Pemantauan Pelaksanaan OACP/CRM
13	Usaha Kerajaan Ke Arah Integriti	33 - 40	Panduan Amalan Nilai Integriti Dalam Kerja Harian
14	Rasuah Itu Satu Jenayah	41	Pihak Berkenaan
15 - 17	Apa Itu Rasuah?	42	Pautan Berguna

PENGENALAN

PUSAKA telah mewujudkan enam (6) Nilai Bersama untuk diamalkan oleh kakitangannya dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Enam (6) Nilai Bersama ini adalah seperti berikut :



Daripada enam (6) Nilai Bersama ini, Integriti adalah merupakan salah satu nilai untuk disemai dan diamalkan oleh semua warga PUSAKA dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan. Integriti merupakan teras kepada pematuhan terhadap peraturan dan prosedur yang ditetapkan didalam sesebuah organisasi

Justeru itu, PUSAKA telah merangkumkan pelaksanaan nilai bersama ini dalam Pelan Strategik PUSAKA dibawah BSC Organisational Capacity (OC2) Human Shared Values. Ini adalah kerana tanpa membudayakan nilai-nilai bersama termasuk nilai integriti maka sebaik mana Pelan Strategik yang dirangka maka akan sukar untuk dilaksana dan dicapai.

TUJUAN PENGWUJUDAN

BUKU PANDUAN INTEGRITI

Tujuan buku ini diwujudkan adalah sebagai salah satu kaedah meningkatkan pengetahuan dan kefahaman para kakitangan berhubung dengan nilai integriti. Dengan peningkatan pengetahuan dan kefahaman para kakitangan, maka mereka tidak boleh mengeluarkan alasan bahawa mereka tidak diberitahu dan menuding jari kepada pihak pengurusan ke atas kesilapan mereka.


Buku panduan ini adalah dinamik dan dikemaskinikan oleh Bahagian Integriti secara atas talian agar setiap maklumat yang dimasukkan ke dalam buku ini adalah yang terkini untuk rujukan warga PUSAKA.

**"Ajarkan ilmu pengetahuan
yang baik walaupun sedikit,
pasti mendatangkan
manfaat bagi orang lain,
daripada disimpan, lama-
kelamaan pasti lupa."**

Unknown

LATAR BELAKANG PENUBUHAN BAHAGIAN INTEGRITI

Bahagian Integriti telah ditubuhkan pada 2 Disember 2019 selaras dengan keperluan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Peranannya adalah melaksanakan enam (6) fungsi berikut :



CARTA BAHAGIAN INTEGRITI



LATAR BELAKANG PENUBUHAN BAHAGIAN INTEGRITI(Samb.)

VISI

Mewujudkan Budaya Integriti
Yang Cemerlang Di Dalam
Organisasi

MISI

Memperkuatkan Nilai Integriti Organisasi Dengan
Memastikan Pematuhan Dasar dan Prosedur Serta
Menyemai Budaya Integriti Melalui Pendekatan
Sistematik Dan Kakitangan Yang cekap.

PENUBUHAN

- Susulan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013, setiap agensi kerajaan dikehendaki untuk menubuhkan Unit Integriti di agensi-agensi masing-masing sebelum penghujung tahun 2019.
- Sehubungan dengan itu, PUSAKA telah menyahut seruan ini dengan menubuhkan Bahagian Integriti pada 2 Disember 2019.
- Dua orang pegawai PUSAKA yang berjawatan E52 dan W41 telah dipilih untuk mengikuti kursus Pegawai Integriti Bertauliah

APA ITU INTEGRITI?

Sering kali kita mendengar orang menyebut integriti dan boleh dikatakan saban hari juga ungkapan ini terbit dari bibir si penutur atau paling tidak, kita akan menemuinya ketika sedang membaca surat khabar, majalah, buku dan bahan bacaan ilmiah lain. Malah di mana-mana sahaja sering dibualkan tentang kurangnya integriti dalam kalangan orang ramai, pekerja di sektor awam, swasta atau dalam kalangan ahli politik.

Mengikut kamus dwibahasa Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) 1985, Integriti ialah “kejujuran dan ketulusan”, kesempurnaan, ‘keutuhan’. Ini bermaksud integriti adalah sifat “jati diri” yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pegang cakapnya dan lain-lain. Secara ringkasnya, integriti ada dua bahagian iaitu integriti individu dan integriti organisasi



INTEGRITI INDIVIDU

Integriti individu merujuk kepada himpunan kualiti unggul yang wujud dalam kalangan individu dan kualiti ini berteraskan kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi. Ini bermakna, integriti ialah keselarasan di antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang serta keselarasan di antara kepentingan diri dengan kepentingan umum.

INTEGRITI ORGANISASI



Integriti organisasi pula tercermin dalam perumusan dan perlaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan terbaik. Kod etika berkenaan ditegaskan, diulangi dan dihayati oleh anggota organisasi berkenaan sehingga menjadi kebiasaan dan akhirnya menjadi budaya organisasi (corporate culture)

ISU INTEGRITI DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM



Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Berdasarkan jumlah tangkapan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), jumlah keseluruhan tangkapan rasuah dalam kalangan Penjawat Awam Malaysia selama 6 tahun daripada tahun 2016 sehingga 2021 adalah seramai 2787 orang.

Pada tahun 2016 sehingga tahun 2018 terdapat sedikit penurunan sepanjang 3 tahun berkenaan iaitu sebanyak 14.39%

Namun begitu, angka tangkapan meningkat kepada 572 orang bersamaan dengan 27.20% pada tahun 2019 yang merupakan jumlah tertinggi sepanjang 6 tahun.

Tahun seterusnya (2021) terdapat sedikit penurunan iaitu sebanyak 12% daripada tahun sebelumnya.

Kesimpulannya, angka tangkapan rasuah di kalangan Penjawat Awam Malaysia masih pada paras yang tidak memuaskan. Keadaan ini perlu di tangani dengan segera. Oleh itu, Unit Integriti diwujudkan di setiap organisasi bagi membendung rasuah dalam kalangan Penjawat Awam Malaysia yang semakin berleluasa ini.

FAKTOR KEMEROSOTAN INTEGRITI

KEPIMPINAN

- Kurang kepimpinan melalui teladan
- Wujud iltizam yang lemah
- Cakap tidak serupa bikin
- Arahan pemimpin yang melanggar undang-undang, prosedur dan peraturan

SISTEM & PROSEDUR

- Kelemahan dalam sistem, prosedur dan garis panduan
- Penguatkuasaan dan tindakan punitif yang kurang berkesan
- Kurang ketelusan
- Kurang penyelarasan, pemantauan dan penilaian
- Keupayaan sumber manusia dan material yang terhad
- Kerangka undang-undang lapuk dan percanggahan dengan undang-undang

STRUKTUR & INSTITUSI

- Budaya yang kurang menitikberatkan integriti
- Aspek tidak ambil peduli
- Budaya “Pak Turut” tanpa menilai baik buruknya
- Angguk & Ampu
- Takut Membuat Laporan

ASPEK BUDAYA

- Struktur sesebuah organisasi perlu kemas & terfokus
- Matlamat yang jelas dan munasabah.
- Struktur organisasi perlu diubah & diperkemas mengikut tuntutan dan cabaran baru
- Pertindihan skop, tugas & tanggungjawab antara institusi
- Kurangnya koordinasi


INDIVIDU

- Kelemahan individu itu sendiri
- Kurangnya Pendidikan & Penghayatan Nilai-nilai murni
- Tidak Berdisiplin
- Tidak Nampak Kelemahan Sendiri
- Tekanan Hidup
- Etika Kerja Lemah



Menerangkan elemen tingkah laku pekerja dan kejayaan yang melibatkan urusan yang adil, kejujuran dan kebolehpercayaan di tempat kerja

Memberikan hala tuju dan bimbingan pelbagai sektor supaya mereka dapat bekerjasama dalam usaha besar membina masyarakat yang bermoral, berintegriti dan beretika



Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama pelbagai sektor dalam usaha peningkatan intergriti supaya integriti menjadi budaya masyarakat dan diamalkan dalam semua bidang

Mewujudkan pentadbiran dan perkhidmatan awam yang cekap dan berdisiplin menerusi penerapan nilai-nilai murni yang dapat mengatasi masalah dan kelemahan dalam pelbagai aspek pemerintahan seperti pengurusan kewangan, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh peraturan, perundungan serta agama



USAHA KERAJAAN KE ARAH INTEGRITI

Biro Pengaduan Awam (SPA)

Kerajaan telah menubuhkan Biro Pengaduan Awam (SPA) pada **23 Julai 1971** yang telah ditubuhkan di Bahagian Perancangan Am, Jabatan Perdana Menteri. Tujuan mengadakan Biro ini ialah supaya orang ramai dapat **membuat pengaduan** mengenai kesulitan mereka dan **mendapatkan bantuan** di mana perlu.

OACP telah dilancarkan pada **29 Mac 2019** oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad. Matlamatnya adalah untuk memastikan Malaysia dikenali di seluruh dunia sebagai **negara yang berintegriti dan bebas rasuah**. Ia akan menjadi satu platform yang sistematik dalam **menangani isu rasuah** dengan mekanisme pelaporan kepada pengurusan tertinggi organisasi secara berkala

Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)

Akta Pencegahan Rasuah 1997

Kerajaan melalui Parlimen telah meluluskan Akta Pencegahan Rasuah 1961 bagi menggantikan The Prevention of Corruption Ordinance 1950. Dalam tahun 1967, Suruhanjaya Pencegah Rasuah (SPR) telah ditubuhkan bertujuan **menghapus rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa**. Dengan mengambil kira perkembangan dalam negeri dan antrabangsa, Akta ini kemudian disemak pada tahun 1971 dan seterusnya dimansuhkan serta digantikan dengan Akta Pencegah Rasuah 1997

Kerajaan mewujudkan unit integriti di semua agensi awam yang bertujuan untuk **memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh, hatta meningkatkan semangat patriotisme**. Semua Agensi Awam ini telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013

Penubuhan Unit Integriti dan Governans

Rasuan itu satu
JENAYAH!



Sanggupkah anda menjadi
seorang penjenayah?

FIKIR SEBELUM BERTINDAK!

X **KATAKAN TIDAK KEPADA
RASUAH!**

APA ITU RASUAH ?

Dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, istilah rasuah disebut sebagai **SUAPAN**. Rasuah merupakan suatu jenayah atau kesalahan dan undang-undang dimana seseorang itu memberi atau menerima sesuatu **SUAPAN** yang berbentuk wang tunai atau barang berharga kepada pihak-pihak tersebut sebagai upah bagi melakukan suatu perbuatan yang mempunyai kaitan dengan bidang tugas seseorang itu. Ia adalah penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk keuntungan peribadi.


BENTUK SUAPAN



BONUS

- Bayaran tambahan selain daripada gaji dalam bentuk ganjaran
- Terdapat juga dalam bentuk faedah dan saham yang diberikan kepada pemegang saham dan kakitangan syarikat
- Kaedah ini sering digunakan kepada kakitangan syarikat yang berjawatan sederhana

BONUS



HADIAH


- Pemberian sebagai tanda penghargaan dan juga ganjaran akan sesuatu
- Ianya diberikan secara percuma untuk menarik perhatian dan sebagai tanda terima kasih
- Kaedah ini digunakan untuk membuat seseorang tertarik dengan ganjaran yang diberikan (rumah, kereta dan sebagainya)

WANG

- Sesuatu yang sangat diperlukan bagi mendapatkan sesuatu
- Wang juga boleh terdapat dalam bentuk gaji, harta kekayaan dan pendapatan
- Kaedah pemberian wang ini digunakan dalam rasuah bagi mengaburi mata si perlaku dalam menjalankan aktiviti rasuah



JAWATAN



- Pangkat dan kedudukan yang diberikan bagi membezakan tahap individu
- Kenaikan pangkat dapat menentukan nilai prestasi, gaji dan tugas seseorang
- Oleh itu, kenaikan pangkat dalam jawatan yang dijanjikan bagi pihak pemberi menarik perhatian si penerima

UPAH

- Ganjaran yang diberikan kepada seseorang untuk melakukan satu arahan dan tindakan
- Ianya digunakan sebagai balasan setelah kerja yang dilakukan berjaya
- Orang yang menerima upah semasa melakukan rasuah ini digelar **makan suap**



UNDI



- Digunakan untuk memilih sesuatu dengan menggunakan suara majoriti
- Undian yang tertinggi akan dipilih dalam menentukan sesuatu tindakan atau keputusan
- Ianya digunakan bagi seseorang untuk mendapatkan peluang yang tinggi dalam pemilihan jawatan dan memenangi projek yang diiginkan

KESAN-KESAN RASUAH KEPADА INDIVIDU



DIBUANG
PEKERJAAN

PENJARA
10 TAHUN



HILANG
KEPERCAYAAN




DIKENAKAN
HUKUMAN
DAN DENDA



HILANG HARTA

AWAS ANDA DIPERHATIKAN!!!

KESAN-KESAN RASUAH KEPADA ORGANISASI



Reputasi dan imej organisasi
akan terjejas



Wujud ketidakadilan dalam
perkhidmatan



Moral kakitangan akan merosot



Perkhidmatan menjadi tidak cekap

ELEMEN-ELEMEN RASUAH




PUNCA BERLAKUNYA RASUAH



Pegawai Kurang Berintegriti

- Berlakunya persaingan yang tidak sihat dimana sifat ketamakan melebihi fikiran rasional.
- Membocorkan maklumat syarikat semata-mata untuk kepentingan diri dimana mereka memilih jalan yang lebih mudah.
- Tidak mematuhi undang-undang, prosedur dan polisi syarikat.




Kelemahan Prosedur Kerja (SOP)

- Mengamalkan sikap tidak ambil peduli apabila berhadapan dengan salah laku rasuah.
- Takut untuk membuat laporan dan mendapat ancaman dari pihak bersalah
- Menerima rasuah untuk kepentingan sendiri walaupun **sudah terang lagi bersuluh** ianya menyalahi undang-undang dan prosedur kerja.

Kelemahan Pentadbiran

- Tidak menjalankan tanggungjawab dengan sebaiknya malah lebih memilih jalan mudah untuk menyelesaikan masalah pekerja.
- Kurang membuat pemantauan dan penyeliaan kerana menganggap ianya perkara yang remeh.
- Ketidakadilan dalam pentadbiran yang menjurus kepada berlakunya rasuah dimana ianya merencatkan kredibiliti pekerja.



PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI DI PUSAKA

- 1** Pengwujudan polisi sebagai panduan untuk pelaksanaan integriti
- 2** Kesedaran melalui perkongsian ilmu dan pengwujudan buku rujukan dan *outreach*
- 3** Bimbingan dan fasilitasi melalui kaedah "*One-to-One Session*" dalam pelaksanaan CRM dan OACP
- 4** Pelantikan *Focal Person* di setiap pejabat bahagian dan anak syarikat untuk pelaksanaan aktiviti integriti
- 5** Kajian Forensic ke atas isu-isu integriti dan mencadangkan kaedah untuk pencegahan awal
- 6** Pengwujudan Jawatankuasa Antirasuah PUSAKA (JAR) untuk pelaporan isu-isu integriti serta hasil pencapaian pelaksanaan program pengukuhan integriti dan cadangan penambahbaikan berterusan

POLISI - POLISI INTEGRITI

PUSAKA telah mewujudkan beberapa polisi integriti sebagai panduan kepada pihak Pengurusan dalam memastikan nilai integriti disemai dan diamalkan di **PUSAKA** seperti berikut :

1) POLISI INTEGRITI PUSAKA

Polisi ini adalah merupakan ibu kepada polisi-polisi yang akan diwujudkan di **PUSAKA**.



POLISI INTEGRITI PUSAKA

PUSAKA komited untuk memastikan tadbir urus yang cemerlang melalui Pengurusan Risiko Rasuah yang efektif serta toleransi sifar terhadap amalan rasuah demi memberikan perkhidmatan yang cekap dan berintegriti kepada pihak berkepentingan di samping memastikan kawalan serta penambahbaikan dijalankan secara strategik dan berterusan.

Bagi merealisasikan sasaran tersebut, PUSAKA melalui Bahagian Integriti, memberikan penekanan untuk :-

- a) Mewujudkan budaya berintegriti di PUSAKA dengan mengadakan program integriti dan anti-rasuah secara berterusan;
- b) Memastikan semua warga PUSAKA, Anak-anak syarikat PUSAKA serta pihak yang dilantik oleh PUSAKA adalah bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang anti-rasuah serta peraturan sedia ada;
- c) Menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan mengenai aktiviti rasuah serta salah guna kuasa menerusi Polisi Pemberi Maklumat (Whistleblowing Policy);
- d) Memberi kerjasama penuh kepada agensi anti-rasuah serta jabatan yang berkaitan seperti Unit Integriti & Ombudsman Negeri (UNION) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membendung amalan rasuah di dalam organisasi; dan
- e) Mengambil tindakan selaras dengan undang-undang ke atas mana-mana pihak yang didapati melanggar undang-undang anti-rasuah atau tidak mematuhi polisi ini.



YB DATUK AMAR HAJI AWANG TENGAH ALI HASAN
Timbalan Ketua Menteri
Menteri Perdagangan Antarabangsa & Industri,
Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan dan
Menteri Pembangunan Bandar & Sumber Asli II, Sarawak
Merangkap Pengurus Lembaug Pengurusan PUSAKA

27 Februari 2020

2) POLISI *INTEGRITY PACT*

PUSAKA juga telah menggunakan Buku Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan Negeri



Bersama-sama ini disertakan salinan Surat Pekerjaan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak Bil. 05/2020 dan ... bilangan naskah buku "Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan Negeri" untuk makluman dan kegunaan pihak tuan / puan.

2. Sila akui penerimaan dengan mengisi Borang Akuan Penerimaan seperti di **Lampiran A** dan mengembalikannya kepada pihak kami.

Sekian, terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAIKI"
"AN HONOUR TO SERVE"

JAFRI BIN LIASH
Pengarah Perolehan
b.p. Setiausaha Kewangan Negeri
SARAWAK



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
SARAWAK

3) POLISI PENGURUSAN HADIAH


Unit Integriti dan Ombudsman Negeri (UNION) Jabatan Ketua Menteri Sarawak juga telah mengeluarkan pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 1 Tahun 2021 berkenaan Garis Panduan Pengurusan Hadiah Untuk Perkhidmatan Negeri Sarawak dan PUSAKA menggunakan pekeliling tersebut



JENIS-JENIS DOKUMENTASI PELAN INTEGRITI


1) PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) PUSAKA adalah salah satu pelan pengurusan yang sistematik yang membantu PUSAKA untuk mengenalpasti risiko-risiko rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan sehingga mewujudkan tadbir urus terbaik yang boleh menutup ruang peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewangan.



2) PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) PUSAKA 2021-2025

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) adalah merupakan satu dokumen antirasuah yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2013 di bawah inisiatif 2.1.5, yang mewajibkan sektor awam dan inisiatif 6.2.1 yang mewajibkan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan, Syarikat Terhad Dengan Jaminan dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia, PUSAKA telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PUSAKA 2021-2025 bagi mendukung visi ke arah kerajaan bebas rasuah dan aspirasi negara supaya dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah.



Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PUSAKA 2021-2025 ini telah menetapkan tujuh (7) bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha memerangi rasuah. Bidang Keutamaan tersebut adalah seperti berikut :



KERANGKA PELAN ANTIRASUAH

ORGANISASI PUSAKA

BIDANG KEUTAMAAN	STRATEGI	90	PELAN TINDAKAN / INISIATIF
Penguatkuasaan Undang-Undang	Memantapkan Keberkesaan Penguatkuasaan Undang-Undang	10	OBJEKTIF STRATEGIK
Pengurusan Projek	Memperkuatkukan Kecekapan dan Keberkesaan Pengurusan Projek	7	STRATEGI
Pentadbiran (Sumber Manusia)	Memperkasakan Keberkesaan Dan Kredibiliti Tadbir Urus Sumber Manusia	7	BIDANG KEUTAMAAN
Tadbir Urus	Memperkuatkukan Keberkesaan dan Ketelusan dalam Sistem Tadbir Urus Organisasi	10	JANGKA PENDEK (JAN 2021 – DIS 2021)
Perolehan	Memperkasakan Pengurusan Perolehan	3	JANGKA SEDERHANA (JAN 2021 – DIS 2022)
Pengurusan Program	Memperkuatkukan Keberkesaan dan Kecekapan Pengurusan Program	77	JANGKA PANJANG (JAN 2021 – DIS 2025)

RINGKASAN PELAN TINDAKAN

No	Bidang Keutamaan	Bilangan Risiko	Bilangan Inisiatif	Bilangan Strategi	Bilangan Objektif Strategik
1	Pelesenan	2	9	1	2
2	Penguatkuasaan Undang-Undang	6	9	1	1
3	Pengurusan Projek	8	19	1	2
4	Pentadbiran (Sumber Manusia)	6	15	1	1
5	Tadbir Urus	5	22	1	2
6	Perolehan	4	12	1	1
7	Pengurusan Program	1	4	1	1
Jumlah Keseluruhan		32	90	7	10

APAKAH PERBEZAAN PEMBANGUNAN & PENGGUBALAN DIANTARA CRM, ABMS & OACP

BIL	ABMS: CRM / CRA	OACP
1	Fokus Potensi Rasuah	Fokus Governan, Integriti & AntiRasuah
2	Analisa Awal KenalPasti Potensi Kebarangkalian Berlaku Rasuah	Menyokong Saranan GIACC & JKCMAR & JAR serta Aspirasi Rakyat & Negara - NACP
3	Tiada Pemantuaan & Penilaian Inklusif Melibatkan Jkuasa / Pusat Khas Sehingga YAB PM	Khusus 5 Tahun
4	Tiada Kewajipan Pelaksanaan Bergantung Kapasiti & Keupayaan Kesiapsiagaan Agensi (Sumber Manusia & Bajet)	Living Document & Milik Semua Arahan Khusus YAB PM berkenaan Pengurusan OACP
5	Tiada Agensi Khusus Pemantau & Peneraju Terhadap Pelaksanaan Tindakan DiRancang	Mekanisme M & E yang Spesifik (UI>JAR>GIACC>JKCMAR)
6	Tidak diwajibkan	Pelaksanaan Mandatori Sektor Awam & Swasta
7	Bila-Bila Bersesuaian	Kena Bangunkan dalam Tempoh 6 Bulan & Kurang Setahun

KAEDAH PEMANTAUAN PELAKSANAAN OACP / CRM

STATUS KEMAJUAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) SKP-OACP

Pangkalan data Status Pelaporan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) ini adalah direka untuk memantau status pelaporan OACP PUSAKA selaras dengan kehendak Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 1 Tahun 2020

SISTEM PELAPORAN UNIT INTEGRITI AGENSI AGENSI AGENCY INTEGRITY MANAGEMENT SYSTEM (AIMS)

AIMS merupakan sistem yang akan digunakan oleh Unit Integriti Agensi (UI) Awam, Badan Berkanun dan Unit Governans & Integriti (IGU) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi merekod serta mengemukakan laporan secara berkala berkaitan pelaksanaan fungsi UI dan IGU ini kepada Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM.

PERBEZAAN SKP-OACP DAN AIMS


Bil.	Sistem Kemajuan Pelaksanaan OACP (SKP-OACP)	Agency Integrity Management System (AIMS)
1	Sistem disediakan oleh Unit Integriti dan Ombudsman Negeri (UNION)	Sistem disediakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
2	Tujuan pelaporan adalah untuk memastikan pelaksanaan dan pemantauan OACP dibuat sepanjang masa.	Tujuan pelaporan adalah mengenai fungsi, peranan dan aktiviti Bahagian Integriti secara keseluruhan
3	Pelaporan adalah setiap suku tahun mengikut penggal berikut : i. Penggal 1/2021 (Januari – April) ii. Penggal 2/2021 (Mei – Ogos) iii. Penggal 3/2021 (September - Disember)	Data pelaporan yang telah dipdfkan dimasukkan ke dalam sistem setiap suku tahun seperti berikut: i. Penggal 1/2021 (Januari – April) ii. Penggal 2/2021 (Mei – Ogos) iii. Penggal 3/2021 (September -Disember)
4	Kandungan pelaporan OACP dan CRM sama tetapi format pelaporan adalah diasingkan	Diantara kandungan pelaporan termasuklah data-data seperti berikut: 1. Profil Organisasi 2. Laporan a) Profil Organisasi b) Fungsi 1-Tadbir Urus c) Fungsi 2-Aduan d) Fungsi 3-Pengesanan dan Pengesahan e) Fungsi 4-Pengukuhan Integriti f) Fungsi 5-Pematuhan g) Fungsi 6-Tatatertib
5	Pelaporan pemantauan OACP dihantar ke pihak UNION melalui sistem SKP-OACP	Laporan yang telah diisi oleh Bahagian Integriti hendaklah disahkan oleh Ketua jabatan terlebih dahulu sebelum dihantar ke BPIS

PANDUAN AMALAN NILAI INTEGRITI DALAM KERJA HARIAN

SUMBER : PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) PUSAKA 2021-2025



1. RASUAH



BETUL


- TIDAK MENGAMBIL DAN MENERIMA SUAPAN
- TIDAK MENGGUNAKAN KEDUDUKAN/ KUASA

SALAH

- MEMINTA DAN MENERIMA SUAPAN
- MENGGUNAKAN KEDUDUKAN/ KUASA



2. HADIAH



BETUL

- MENOLAK HADIAH SEBAGAI BALASAN ATAU TAWARAN HABUAN DARIPADA SESEORANG INDIVIDU, PEMBEKAL ATAU KONTRAKTOR YANG ADA BERKEPENTINGAN DENGAN TUGAS AWAM
- MELAPOR KEPADA KETUA JABATAN JIKA ADA PENERIMAAN HADIAH

SALAH

- MENERIMA ATAU MEMINTA HADIAH SEBAGAI BALASAN ATAU TAWARAN HABUAN DARIPADA SESEORANG INDIVIDU, PEMBEKAL ATAU KONTRAKTOR YANG ADA BERKEPENTINGAN DENGAN TUGAS AWAM
- TIDAK MELAPOR KEPADA KETUA JABATAN PENERIMAAN HADIAH


3. PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA

PROSES PELESENAN



BETUL

- TIDAK MENERIMA PERMOHONAN YANG TIDAK LENGKAP DAN TEPAT UNTUK KEPENTINGAN DIRI DAN HABUAN
- TIDAK MELULUSKAN PERMOHONAN YANG TIDAK MEMENUHI SYARAT ATAU KRITERIA
- MELAKUKAN PEMERIKSAAN FIZIKAL DI LOKASI
- TIDAK MEMALSUKAN LAPORAN KERJA LUAR, COP, TANDA TANGAN DAN TIDAK MENGEMUKAKAN TUNTUTAN PALSU
- TIDAK MEMBOCORKAN MAKLUMAT UNTUK MENDAPAT HABUAN



SALAH


- MENERIMA PERMOHONAN YANG TIDAK LENGKAP DAN TEPAT UNTUK KEPENTINGAN DIRI DAN HABUAN
- MELULUSKAN PERMOHONAN YANG TIDAK MEMENUHI SYARAT ATAU KRITERIA
- TIDAK MELAKUKAN PEMERIKSAAN FIZIKAL DI LOKASI
- MEMALSUKAN LAPORAN KERJA LUAR, COP, TANDA TANGAN DAN MENGEMUKAKAN TUNTUTAN PALSU
- MEMBOCORKAN MAKLUMAT UNTUK MENDAPAT HABUAN

PROSES PEROLEHAN / PENGANJURAN PROGRAM / PROJEK



BETUL

- TIDAK MENGADAKAN PAKATAN DENGAN PEMBEKAL/KONTRAKTOR YANG ADA BERKEPENTINGAN DALAM TUGAS AWAM DENGAN MELETAKKAN HARGA YANG LEBIH TINGGI UNTUK HABUAN
- TIDAK MEMBOCORKAN MAKLUMAT SEBUTHARGA/TENDER
- TIDAK MEMILIH PEMBEKAL/KONTRAKTOR YANG SAMA
- TIDAK MEMILIH PEMBEKAL/KONTRAKTOR DALAM KALANGAN KRONI, AHLI KELUARGA ATAU SAUDARA MARA



SALAH


- PAKATAN DENGAN PEMBEKAL/KONTRAKTOR YANG ADA BERKEPENTINGAN DALAM TUGAS AWAM DENGAN MELETAKKAN HARGA YANG LEBIH TINGGI UNTUK HABUAN
- MEMBOCORKAN MAKLUMAT SEBUTHARGA/TENDER
- MEMILIH PEMBEKAL/KONTRAKTOR YANG SAMA
- MEMILIH PEMBEKAL/KONTRAKTOR DALAM KALANGAN KRONI, AHLI KELUARGA ATAU SAUDARA MARA

PROSES PEROLEHAN / PENGANJURAN PROGRAM / PROJEK (samb.)



BETUL

- TIDAK MEMPERAKU PENERIMAAN ATAU PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI, TIDAK DIBEKALKAN ATAU KUANTITI TIDAK MENCUKUPI
- TIDAK MELAKUKAN PEMBELIAN SECARA PECAH KECIL
- MELALUI PROSES SEBUTHARGA ATAU TENDER YANG BETUL
- TIDAK MEMANIPULASI DATA UNTUK MENERIMA HABUAN SEMASA OPERASI PENGAWASAN SERTA PEMANTAUAN PROJEK DI TEMPAT KERJA, LAPANGAN DAN TAPAK PROJEK



SALAH


- MEMPERAKU PENERIMAAN ATAU PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI, DIBEKALKAN ATAU KUANTITI TIDAK MENCUKUPI
- MELAKUKAN PEMBELIAN SECARA PECAH KECIL
- TIDAK MELALUI PROSES SEBUTHARGA ATAU TENDER YANG BETUL
- MEMANIPULASI DATA UNTUK MENERIMA HABUAN SEMASA OPERASI PENGAWASAN SERTA PEMANTAUAN PROJEK DI TEMPAT KERJA, LAPANGAN DAN TAPAK PROJEK

PROSES PENGUATKUASAAN



BETUL

- TIDAK MEMBOCORKAN MAKLUMAT SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS OPERASI PENGUATKUASAAN
- TIDAK MEMANIPULASI LAPORAN AKTIVITI/OPERASI PENGUATKUASAAN BAGI TUJUAN HABUAN
- TIDAK BERPAKAT DENGAN PIHAK YANG BERKEPENTINGAN UNTUK MENGAGALKAN SIASATAN KE ATAS KES UNTUK MENERIMA HABUAN



SALAH


- MEMBOCORKAN MAKLUMAT SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS OPERASI PENGUATKUASAAN
- MEMANIPULASI LAPORAN AKTIVITI/OPERASI PENGUATKUASAAN BAGI TUJUAN HABUAN
- BERPAKAT DENGAN PIHAK YANG BERKEPENTINGAN UNTUK MENGAGALKAN SIASATAN KE ATAS KES UNTUK MENERIMA HABUAN

TADBIR URUS



BETUL

- TIDAK MEMBOCORKAN MAKLUMAT HASIL PENEMUAN AUDIT DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN UNTUK MENDAPAT HABUAN
- TIDAK MEMANIPULASI LAPORAN AUDIT UNTUK MENDAPAT HABUAN
- TIDAK MENYALAHGUNAKAN KUASA DAN KEDUDUKAN DALAM MENGAMBIL KEPUTUSAN DAN MELAKSANAKAN TUGASAN



SALAH


- MEMBOCORKAN MAKLUMAT HASIL PENEMUAN AUDIT DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN UNTUK MENDAPAT HABUAN
- MEMANIPULASI LAPORAN AUDIT UNTUK MENDAPAT HABUAN
- MENYALAHGUNAKAN KUASA DAN KEDUDUKAN DALAM MENGAMBIL KEPUTUSAN DAN MELAKSANAKAN TUGASAN

PENTADBIRAN (SUMBER MANUSIA)



BETUL

- TIDAK MEMBUAT PEMILIHAN CALON YANG TIDAK MENEPATI KRITERIA / SKOP TUGASAN
- TIDAK MEMANIPULASI LAPORAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN KEPUTUSAN TEMUDUGA
- TIDAK BERPAKAT DENGAN PIHAK YANG BERKEPENTINGAN DALAM PEMILIHAN DAN PENGAMBILAN ANGGOTA/KENAIKKAN PANGKAT



SALAH


- MEMBUAT PEMILIHAN CALON YANG TIDAK MENEPATI KRITERIA / SKOP TUGASAN
- MEMANIPULASI LAPORAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN KEPUTUSAN TEMUDUGA
- BERPAKAT DENGAN PIHAK YANG BERKEPENTINGAN DALAM PEMILIHAN DAN PENGAMBILAN ANGGOTA/KENAIKKAN PANGKAT

KETIDAKPATUHAN ARAHAN SEMASA WAKTU PEJABAT



BETUL

- TIDAK BERPAKAT DENGAN KLINIK UNTUK MENDAPATKAN SIJIL SAKIT/MEMBUAT SIJIL SAKIT PALSU
- MENDAPAT KELULUSAN UNTUK BERPINDAH TUGAS
- DATANG AWAL DAN MENEPATI MASA PEJABAT
- TIDAK POTENG DAN HADIR BERTUGAS
- TIDAK MENYALAHGUNAKAN MASA DAN ASET PEJABAT UNTUK URUSAN PERIBADI
- TIDAK MENGIKUT DALAM KEBERHUTANGAN YANG SERIUS
- ETIKA PAKAIAN DI PEJABAT YANG SESUAI MENGIKUT KOD ETIKA PAKAIAN YANG DITETAPKAN
- PENGGUNAAN KAD AKSES DAN BUKU KEHADIRAN
- MENJAGA KESELAMATAN DOKUMEN



SALAH

- BERPAKAT DENGAN KLINIK UNTUK MENDAPAT SIJIL SAKIT/MEMBUAT SIJIL SAKIT PALSU
- TIDAK MENDAPAT KELULUSAN UNTUK BERPINDAH TUGAS
- DATANG LEWAT TANPA KEBENARAN
- POTENG DAN TIDAK HADIR BERTUGAS
- MENYALAHGUNAKAN MASA DAN ASET PEJABAT UNTUK URUSAN PERIBADI
- TERLIBAT DALAM KEBERHUTANGAN YANG SERIUS
- ETIKA PAKAIAN DI PEJABAT YANG TIDAK SESUAI DAN TIDAK MENGIKUT KOD ETIKA PAKAIAN YANG DITETAPKAN
- TIDAK MENGGUNAKAN KAD AKSES DAN TIDAK MEREKOD KEHADIRAN DALAM BUKU KEHADIRAN
- CUAI DALAM MENJAGA KESELAMATAN DOKUMEN

PIHAK BERKENAAN



- Polis Diraja Malaysia
- Suruhananjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- Ombudsman Negeri Sarawak
- Kerajaan Malaysia

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

(Akta SPRM 2009) (Akta 694):

- **Meminta/Menerima rasuah**
[seksyen 16 & 17(a) Akta SPRM 2009]
- **Menawar/Memberi suapan**
[seksyen 17(b) Akta SPRM 2009]
- **Mengemukakan tuntutan palsu**
[Seksyen 18 Akta SPRM 2009]
- **Menggunakan jawatan/kedudukan untuk suapan pegawai badan awam**
[Seksyen 23 Akta SPRM 2009]



Menerima Suapan/Rasuah: Gagal melapor pemberian, janji atau tawaran rasuah di bawah Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009

**DENDA TIDAK LEBIH DARI RM100,000
PENJARA TIDAK LEBIH DARI 10 TAHUN ATAU KEDUA-DUANYA**

Menerima Suapan/Rasuah: Gagal melapor pemberian, janji atau tawaran rasuah di bawah Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009

**DENDA TIDAK LEBIH DARI RM10,000
PENJARA TIDAK LEBIH DARI 2 TAHUN ATAU KEDUA-DUANYA**

PAUTAN BERGUNA



PEKELILING



WEBSITE



**SARAWAK TIMBER INDUSTRY
DEVELOPMENT CORPORATION**

<https://www.sarawaktimber.gov.my>



**UNIT INTEGRITI DAN OMBUDSMAN NEGERI
(UNION)**
JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK

<https://jkm.sarawak.gov.my/UNION>



**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA (SPRM)**

<https://www.sprm.gov.my>



EMAIL

integriti@pusaka.gov.my